

## ***SAKINAH, MAWADDAH DAN RAHMAH DALAM PERHUBUNGAN SUAMI ISTERI: ANALISIS LITERATUR***

### ***Sakīnah, Mawaddah and Rahmah in Husband-Wife Relationship: A Literature Review***

**Nur Faezah Musthapar<sup>1</sup>**

**Raihanah Hj Azahari<sup>2</sup>**

**Bahiyah Ahmad<sup>3</sup>**

#### **ABSTRACT**

*One of the purposes of marriage is to create a sakīnah (tranquil), mawaddah (affectionate) and rahmah (merciful) life among a husband, a wife and their children. The sakīnah, mawaddah and rahmah's life, however, does not come in handy with the marriage. It must be striven by both men and wives during their marriage. Sakīnah, mawaddah and rahmah are the goals of a marriage. A true understanding of these three concepts can restore the troubled marriage's relationship. There are various studies on the concepts of sakīnah, mawaddah and rahmah. This article will examine these three concepts in various forms such as academic books, dissertations, theses and journal articles. Generally this theme study discusses the three concepts in detail with detailing the scope of the marriage's relationship and commenting on how*

<sup>1</sup> PhD Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, hanisahmus94@gmail.com

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, raihan@um.edu.my

<sup>3</sup> Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, bahiyah\_api@um.edu.my

*spouses apply these three concepts in their current relationship. This study found that there is a need to conduct specific research on this topic to fill in the gaps associated with Muslim family research. This is to provide a comprehensive study and analysis of understanding of the three terminologies relevant for application in contemporary life.*

**Keywords:** *sakīnah, mawaddah, rahmah, relationship*

## PENDAHULUAN

Sebuah perkahwinan semestinya bermatlamatkan sebuah keluarga yang bahagia. Keluarga yang bahagia akan melahirkan generasi yang hebat kerana kehebatan masyarakat dan negara berasaskan kehebatan institusi keluarga. Salah satu hikmah perkahwinan adalah untuk mencapai *sakīnah, mawaddah* dan *rahmah* antara ahli keluarga, sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Quran:

وَمِنْ أَيْنَتِهِ أَنَّ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرٍ لِقَوْمٍ يَنْفَكِرُونَ  
٢١

*“Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”*

(Surah al-Rūm, 30: 21)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menetapkan penciptaan lelaki dan perempuan daripada jenis yang sama agar hidup berpasangan demi mencapai ketenangan antara satu sama lain. Pembentukan keluarga *sakīnah* bermula daripada perhubungan suami isteri. Perhubungan suami isteri memainkan peranan penting dalam membentuk sebuah keluarga *sakīnah, mawaddah* dan *rahmah*.

Sehubungan itu, artikel ini menganalisis literatur berdasarkan tema bagi mengenal pasti jurang antara kajian-kajian tersebut. Penulisan ini cuba mengetengahkan keperluan kajian tentang konsep *sakīnah, mawaddah* dan *rahmah* dalam perhubungan suami isteri. Tema pertama memberi fokus tentang konsep *sakīnah, mawaddah* dan *rahmah* dalam Islam. Bagi tema kedua pula mengenai isu-isu berkaitan perhubungan suami isteri, tema ketiga berkaitan elemen-elemen kesejahteraan dalam keluarga dan tema keempat pula mengenai

aplikasi konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam perhubungan suami isteri mengikut konteks semasa.

## KONSEP *SAKĪNAH, MAWADDAH DAN RAHMĀH (SAMARA)* DALAM ISLAM

Konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* sudah lama dibincangkan oleh cendekiawan Islam. Terdapat banyak kajian berkaitan konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* yang dikemukakan oleh para sarjana daripada pelbagai latar belakang agama. Kajian berkaitan ketiga-tiga konsep tersebut banyak dibincangkan secara teori dengan mengetengahkan kedudukan dan konsepnya dalam Islam.

Konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* hanya mampu dibentuk apabila lelaki dan perempuan memasuki alam perkahwinan. Melalui perkahwinan, mereka akan mula mencapai ketenangan jiwa dan fizikal. Secara fitrahnya, seorang lelaki akan merasa tenang jiwanya dengan kehadiran seorang perempuan yang berada di sisinya. Begitu juga seorang perempuan akan merasa tenang dengan kehadiran seorang lelaki sebagai suaminya. Ketenangan tersebut dicapai setelah masing-masing mengalami kegelisahan jiwa kerana mereka tidak mempunyai pasangan pada kehidupan sebelumnya. Ini bertepatan dengan penjelasan Fakhr al-Dīn al-Rāzī yang mentafsirkan ayat (تسکعوا إلیها) dengan maksud tenang jiwa dan fizikal. Menurut beliau, ketenangan fizikal adalah sebagai permulaan dalam kehidupan suami isteri dan ketenangan jiwa adalah objektif utama apabila memasuki alam perkahwinan.<sup>4</sup> Perasaan *mawaddah* pula akan tercapai semasa mereka melakukan hubungan kelamin antara suami dan isteri manakala perasaan *rahmah* akan terhasil setelah mereka mempunyai zuriat.

Secara fitrahnya, fikiran dan perasaan masing-masing sentiasa cenderung untuk menjalinkan hubungan. Dengan kecenderungan tersebut, maka timbul perasaan inginkan ketenangan dan kerehatan secara lahir dan batin, kestabilan dalam kehidupan dan sifat ‘uns, iaitu jinak bagi jiwa dan hati. Perkara-perkara tersebut merupakan gabungan yang meliputi fizikal, mental, jiwa dan kerohanian. Objektif utama gabungan tersebut bertujuan memenuhi kehendak suami dan isteri dan hasil percampuran yang dibentuk akan menghasilkan generasi baru. Ini merupakan tafsiran Sayyid Quṭb,<sup>5</sup> iaitu hubungan yang terhasil mampu memenuhi keperluan semulajadi manusia yang bersifat

<sup>4</sup> Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*; vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t), 100.

<sup>5</sup> Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur’ān*, vol. 5 (Qāhirah: Dār al-Shurūq, t.t.), 2763.

*nafsiyyah*, ‘*akliyyah* dan *jasadiyyah* maka terhasillah kerehatan, ketenangan dan kestabilan iaitu perasaan *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah*.

Konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* menurut Dwi Runjani Juwita<sup>6</sup> sangat berkait rapat dengan pembentukan keluarga sejahtera. Kajian membuktikan bahawa unsur *sakīnah* akan wujud sekiranya ada perasaan tenang apabila bersama keluarga dan sekiranya berlakunya konflik maka pasangan segera menyelesaikannya. Perasaan *mawaddah* pula berhasil daripada cinta yang membawa dalam diri setiap pasangan sehingga menghasilkan perasaan sayang antara satu sama lain. Maka kesan daripada perasaan cinta dan sayang antara mereka seterusnya melahirkan perasaan *rahmah*. Perasaan *rahmah* merupakan satu bentuk cinta tertinggi dalam keluarga dan perasaan tersebut tidak akan wujud sekiranya pasangan saling menderhakai antara satu sama lain. Terdapat juga penafsiran perasaan *mawaddah* berhasil bagi pasangan muda dan perasaan *rahmah* bagi pasangan yang sudah tua.<sup>7</sup>

Walau bagaimanapun, keluarga *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* bukan bermakna keluarga tersebut tidak pernah mengalami masalah tetapi bagaimana pasangan suami isteri cuba menyelesaikan konflik dalam keadaan yang tenang berpanduan agama Islam. Perasaan *sakīnah* tidak akan wujud secara semulajadi setelah selesai akad pernikahan namun perasaan ini perlu dipupuk dan diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Kajian Henderi Kusmidi<sup>8</sup> membuktikan bahawa gambaran *sakīnah* yang sebenar apabila pasangan saling berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah dan mempunyai keinginan yang kuat untuk membentuk sebuah keluarga yang tenang dan dalam keadaan berkasih sayang.

Perasaan kasih sayang dan kasihan belas yang wujud dalam diri suami isteri merupakan hikmah Allah SWT jadikan kehidupan mereka berpasangan. Menurut Wahbah al-Zuhaylī,<sup>9</sup> perasaan tersebut tidak dapat dirasai sepenuhnya sekiranya mereka dari jenis makhluk yang berbeza. Perasaan *mawaddah* dan *rahmah* adalah asas kepada ketenangan. Sifat tenang pula akan berhasil setelah perasaan kasih sayang wujud antara suami isteri. Perasaan *mawaddah* pula

<sup>6</sup> Dwi Runjani Juwita, ‘Konsep *Sakinah*, *Mawaddah* Warrahmah Menurut Islam,’ *An-Nuha*, vol. 4/2 (2017), 218.

<sup>7</sup> Shihāb al-Dīn al-Sayyid Mahmūd al-‘Alūsī, *Rūh al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aṣīm wa al-Sab‘ al-Mathānī* (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1985), 21-22; 30-31.

<sup>8</sup> Henderi Kusmidi, ‘Konsep *Sakinah*, *Mawaddah* dan *Rahmah* dalam Perkahwinan,’ *El-Afkār*, vol. 7/2 (2018), 77.

<sup>9</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhāj*, vol. 11 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 75.

mampu dicapai apabila mereka saling berkasih sayang seterusnya sedikit sebanyak akan melahirkan perasaan *rahmah* seperti mana tafsiran oleh al-Tabārī.<sup>10</sup> Beliau menjelaskan bahawa hanya dengan ikatan perkahwinan, perasaan *mawaddah* boleh dihasilkan melalui sentiasa berkasih sayang dan berhubung antara satu sama lain.

Sophal Jamilah<sup>11</sup> pula dalam kajiannya merumuskan bahawa ketakwaan dan kesabaran yang tinggi perlu ada dalam diri setiap pasangan untuk membentuk sebuah keluarga *sakīnah*. Ini disebabkan oleh perasaan *sakīnah* adalah kurniaan Allah SWT kepada suami dan isteri dan ia bukan wujud secara semulajadi dalam diri pasangan. Ia memerlukan usaha yang jitu dari kedua-dua belah pihak bermula daripada sebelum, semasa dan selepas perkahwinan. Antara usaha tersebut ialah sekufu, setia dengan pasangan, menepati janji, memelihara maruah pasangan, saling memahami, berpegang teguh pada agama, *musyawarah* dan wujudnya kesedaran mengenai hak serta tanggungjawab pasangan. Kajian Eka Prasetyawati<sup>12</sup> pula merumuskan bahawa keluarga *sakīnah* bermula dengan pemilihan pasangan yang beragama Islam, berketurunan baik, berakhhlak mulia, sopan santun dan bertutur kata yang baik.

Selain itu, Syamsiah Nur<sup>13</sup> mendapati bahawa konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* tidak dapat dibentuk sekiranya wujud pelbagai masalah dalam keluarga seperti masalah kewangan. Situasinya apabila pendapatan isteri lebih besar daripada pendapatan suami. Isteri sering kali menyalahkan suami dan kurang menghargai suami. Kesannya suami bersikap merendah diri dan merasakan bahawa mereka tidak layak untuk bersama isteri. Ini menunjukkan bahawa pendidikan pertama untuk mencapai *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* ialah suami isteri dapat menjalankan peranan dan tugas masing-masing, mengamalkan ilmu agama, saling hormat menghormati, berusaha memperoleh rezeki yang halal untuk keluarga dan membelanjakan harta secara berhemah.

<sup>10</sup> Abū Ja‘far Muhammad Ibn Jarīr al-Tabārī, *Jamī‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, vol. 10 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 176.

<sup>11</sup> Sophal Jamilah, “Konsep Keluarga *Sakinah*: Studi Pemikiran Muhammad Quraish Shihab,” (Disertasi Sarjana, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2016), 62.

<sup>12</sup> Eka Prasetyawati, ‘Penafsiran Ayat-Ayat Keluarga *Sakīnah, Mawaddah, wa Rahmah* dalam Tafsir Al-Misbah dan Ibn Katsir,’ *Jurnal Nizham*, vol. 5/2 (2017), 162.

<sup>13</sup> Syamsiah Nur, ‘Peranan Keluarga *Sakīnah, Mawaddah wa Rahmah* Sebagai Sumber Pendidikan Yang Pertama, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Indonesia,’ *Jurnal Zirah*, vol. 1/1 (2019), 87.

Pembentukan ketiga-tiga konsep tersebut sangat berkait rapat dengan sikap pasangan suami isteri. Thoriq Fadli Zaelani<sup>14</sup> merumuskan antara sikap yang perlu ada dalam diri setiap pasangan untuk mewujudkan keluarga *sakīnah* menurut Hamka ialah beriman, bertanggungjawab, dalam keadaan tenang dan perbincangan yang baik. Pandangan ini disokong oleh Faula Arina<sup>15</sup> bahawa keluarga *sakīnah* didasari dengan landasan agama yang kuat dan pemilihan pasangan yang betul sebelum memasuki alam perkahwinan. Sikap ingin memelihara keharmonian keluarga, adanya prinsip keseimbangan antara hak dan kewajiban serta mengetahui kepentingan hubungan intim merupakan antara langkah-langkah penting untuk menuju keluarga *sakīnah*. Kajian turut mendapati bahawa unsur *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* wujud apabila keluarga dapat menjalankan fungsi agama, fungsi pendidikan, fungsi perlindungan, fungsi ekonomi dan fungsi pembiakan dengan baik. Muhammad Fathonaddin<sup>16</sup> turut merumuskan bahawa perasaan *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* akan wujud melalui dua unsur iaitu seks dan kerohanian. Siti Chadijah<sup>17</sup> merumuskan bahawa keluarga *sakīnah* dibangunkan melalui perasaan kasih sayang dalam berkomunikasi dan perbincangan sesama mereka. Pemahaman yang sebenar terhadap makna terminologi ini boleh memantapkan lagi hubungan suami isteri apabila mereka memahami makna sebenar perkahwinan dan perasaan-perasaan yang Allah SWT wujudkan di antara mereka berdua setelah berkahwin sebagaimana pandangan Siti Zubaidah Ismail dan Muhamad Zahiri Awang Mat.<sup>18</sup>

Kelangsungan kehidupan berumah tangga juga dipengaruhi oleh kelancaran dari sudut ekonomi. Badrudin<sup>19</sup> mendapati bahawa kebanyakan keluarga

<sup>14</sup> Thoriq Fadli Zaelani, ‘Konsep Keluarga *Sakinah* Menurut Hamka,’ (Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Surakarta, Indonesia, 2017), 10.

<sup>15</sup> Faula Arina, ‘Konsep Keluarga *Sakinah* Menurut Kitab Qurrah Al-‘Uyun Karangan Syaikh Muhammad At-Tihami Bin Madani,’ (Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Purwokerto, 2018), 138-139.

<sup>16</sup> Muhammad Fathonaddin, ‘Perkahwinan *Sakinah*, *Mawaddah*, wa *Rahmah*: Studi Pemikiran Sachiko Murata,’ (Disertasi Sarjana, UIN Alauddin Makassar, 2019), 99.

<sup>17</sup> Siti Chadijah, ‘Karakteristik Keluarga *Sakinah* dalam Islam,’ *Jurnal Rausyan Fikr*, vol. 14/1 (2018), 126.

<sup>18</sup> Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat, ‘Konsep *Sakinah*, *Mawaddah* dan *Rahmah* Sebagai Asas Kebahagiaan Rumahtangga Menurut al-Qur’ān: Suatu Analisis Berdasarkan Ayat 21, Surah al-Rum,’ *Jurnal al-Quran dan Pengajaran Hadith* (2016): 206-222.

<sup>19</sup> Badrudin, ‘Upaya Keluarga Pra Sejahtera dalam Membentuk Keluarga *Sakinah*,’ *Jurnal Hukum* (t.t.): 108.

yang tidak merasai perasaan *sakīnah* disebabkan oleh faktor ekonomi. Ekonomi keluarga yang tidak stabil akan menyebabkan keimbangan dan ketidakteraman dalam hati setiap pasangan. Sekiranya mereka tidak dapat menangani masalah ini melalui komunikasi yang baik maka pertengkaran dalam rumah tangga akan berlaku. Aspek komunikasi menurut Ninawati<sup>20</sup> merupakan aspek penting yang perlu dicapai untuk membentuk keluarga *sakīnah, mawaddah* dan *rahmah*.

Dari perspektif Barat pula, konsep *sakīnah, mawaddah* dan *rahmah* sering dikaitkan dengan konsep cinta. Persepsi tentang cinta telah diperbahaskan oleh para ahli falsafah dan orientalis melalui cara pandang yang berbeza-beza.<sup>21</sup> Mereka memperbahaskan isu cinta menurut sains psikologi, antropologi, neurosains dan biologi. Istilah *soulmate* sebagai cinta telah diperkenalkan oleh Plato. Istilah *soulmate* yang bermaksud buah hati atau pengarang jantung telah digunakan secara meluas sehingga hari ini. Melalui istilah tersebut, terdapat dua perspektif cinta iaitu *Common Aphrodite* dan *Heavenly Aphrodite*.<sup>22</sup> *Common Aphrodite* adalah cinta yang mencari kepuasan semata-mata manakala *Heavenly Aphrodite* merupakan cinta tertinggi yang tidak mempunyai dorongan nafsu semata-mata tetapi cinta yang mempunyai unsur saling menghormati dan menikmati saat-saat bersama secara intelektual. Menurut Plato, cinta *Heavenly Aphrodite* merupakan cinta yang terhormat kerana cinta tersebut tidak mencari kepuasaan semata-mata tetapi cinta yang mementingkan kebijaksanaan, menginginkan kebaikan dan keadilan.

Menurut Socrates, cinta dan kebaikan perlu bersatu. Ini disokong oleh pandangan Michael Boylan yang merumuskan cinta sebagai suatu perbuatan atau tingkah laku yang baik dan berterusan. Keadaan ini dapat dilihat apabila seseorang individu cenderung membantu pasangannya yang mana bantuan tersebut tidak akan diberikan kepada orang yang tidak dicintainya. Helen Fisher berpendapat cinta adalah suatu dorongan untuk mencintai dan dicintai oleh pasangan. Fisher merumuskan emosi cinta kepada tiga bahagian utama,

<sup>20</sup> Ninawati, ‘Implementasi Konsep *Sakinah Mawaddah Warahmah* dalam Keluarga,’ (Disertasi Sarjana, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam-Banda Aceh, 2018), 69.

<sup>21</sup> Nurulwahidah Fauzi et al., ‘Konsep dan Perspektif Cinta Hakiki: Empat Pendekatan Cinta dalam Mursyid Al-Syabab oleh Bediuzzaman Said Nursi dan Al-Ghazali di dalam Ihya Ulumuddin,’ (Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Memperkasakan Tamadun Islam pada abad ke-21, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, September, 2015).

<sup>22</sup> Nurulwahidah Fauzi et al., ‘Konsep dan Perspektif Cinta Hakiki: Empat Pendekatan Cinta dalam Mursyid Al-Syabab oleh Bediuzzaman Said Nursi dan Al-Ghazali di dalam Ihya Ulumuddin,’ 725.

iaitu keinginan nafsu, ketertarikan dan kebersamaan. Nafsu merujuk kepada keinginan seksual di antara pasangan di mana keinginan awal atau ghairah seksual tersebut mendorong proses persetubuhan yang melibatkan rembesan bahan kimia seperti *testosteron* dan *estrogen*.<sup>23</sup> Selain itu, nafsu merupakan tarikan romantik di antara individu yang saling mencintai dan kebersamaan pasangan suami isteri dalam perkongsian hidup seperti menjalankan hak dan tanggungjawab masing-masing.

Apabila seseorang jatuh cinta, otak secara konsisten akan mengeluarkan satu set bahan kimia tertentu termasuk hormon *neurotransmitter*, *dopamine*, *norepinephrine* dan *serotonin* yang bertindak merangsang pusat keseronokan otak seterusnya membawa kepada kesan sampingan seperti peningkatan kadar denyutan jantung, hilang selera makan dan tidur serta perasaan gembira yang melampau. Kajian menunjukkan peringkat ini biasanya akan bertahan dari satu hingga tiga tahun. Oleh kerana peringkat ini bersifat sementara maka peringkat ketiga diperlukan untuk hubungan jangka panjang sehingga membawa kepada kebersamaan antara pasangan. Kebersamaan adalah ikatan yang menggalakkan hubungan yang berkekalan. Kebersamaan berlaku berdasarkan komitmen kepada perkahwinan dan anak-anak. Manakala cinta menurut pandangan Said Nursi dan al-Ghazali sebagai suatu konsep yang besar iaitu meletakkan cinta dengan landasan cinta yang akhirnya kembali kepada Allah SWT. Mereka berpendapat bahawa cinta akan hadir dengan penuh perasaan ikhlas jika hambaNya mengenal erti cinta kepada pencipta iaitu Allah SWT.<sup>24</sup>

Secara keseluruhannya, terdapat banyak penulisan sarjana melalui perbincangan ulama klasik dan ulama kontemporari mengenai konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* dari pelbagai perspektif serta konsep cinta menurut perspektif Barat. Kajian-kajian lain juga turut membincangkan berkaitan ciri-ciri keluarga *sakīnah* dan cara-cara untuk memperoleh keluarga *sakīnah*.

## ISU-ISU BERKAITAN PERHUBUNGAN SUAMI ISTERI

Perhubungan yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah perhubungan yang hanya melibatkan pasangan suami isteri. Perhubungan ini merangkumi hubungan zahir dan batin. Pergaulan suami isteri yang mesra merupakan asas

<sup>23</sup> Nurulwahidah Fauzi et al., ‘Konsep dan Perspektif Cinta Hakiki: Empat Pendekatan Cinta dalam Mursyid Al-Syabab oleh Bediuzzaman Said Nursi dan Al-Ghazali di dalam Ihya Ulumuddin,’ 727.

<sup>24</sup> Nurulwahidah Fauzi et al., ‘Konsep dan Perspektif Cinta Hakiki: Empat Pendekatan Cinta dalam Mursyid Al-Syabab oleh Bediuzzaman Said Nursi dan Al-Ghazali di dalam Ihya Ulumuddin,’ 732.

untuk mewujudkan hubungan yang baik antara mereka dengan anak-anak.<sup>25</sup> Malah hubungan suami isteri yang baik mampu membentuk sebuah keluarga *sakīnah* sebagaimana pandangan al-Ghazali.<sup>26</sup>

Dalam Islam, semua bentuk perhubungan kekeluargaan adalah hubungan kelamin, komunikasi, pelaksanaan tanggungjawab antara ahli keluarga dan pergaulan dengan anggota masyarakat. Bentuk-bentuk perhubungan tersebut dibincangkan dalam bab *mu‘asyarah*.<sup>27</sup> Kamarul Azmi Jasmi<sup>28</sup> mendapati bahawa *mu‘asyarah* ialah hubungan sosial atau pergaulan dalam Islam iaitu hubungan percampuran sosial kekeluargaan khususnya sebelah bapa dan kabilah. *Mu‘asyarah* juga berkaitan hubungan kelamin antara suami dan isteri. Oleh itu, ramai ahli hadis menggunakan perkataan *mu‘asyarah* bagi merujuk pergaulan antara suami dan isteri. Pandangan ini juga disokong oleh Yusuf Qardhawi bahawa perhubungan suami isteri bermaksud hubungan kelamin. Ketenteraman jiwa akan wujud dengan adanya hubungan seksual yang disulami dengan perasaan cinta dan kasih sayang antara suami dan isteri.<sup>29</sup> Perhubungan suami isteri juga sangat berkait rapat dengan komunikasi antara suami dan isteri sebagaimana pandangan Fadillah Kamsah dan Abdullah Hassan merumuskan bahawa kualiti perhubungan tergambar pada ciri-ciri komunikasi yang berlaku antara suami dan isteri. Kebijaksanaan komunikasi antara suami dan isteri menggambarkan keintiman dan kepuasan hubungan mereka antara satu sama lain.<sup>30</sup>

Kesejahteraan rumah tangga dapat dimantapkan dengan cara membentuk, mengekal dan memperkayakan perhubungan suami isteri. Perhubungan suami isteri yang berkualiti secara langsung memberi kesan positif kepada kualiti perkahwinan. Kualiti perkahwinan bergantung kepada kualiti dalam perhubungan suami isteri. Walau bagaimanapun, menurut statistik perkahwinan dan penceraian dari Jabatan Perangkaan Malaysia 2018, kes penceraian dalam

<sup>25</sup> Nik Azis Nik Pa, *Keluarga Berdaya Maju* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2002), 52.

<sup>26</sup> Yulianti Ratnasari, ‘Konsep Keluarga Sakinah Menurut Al-Ghazali,’ (Disertasi Sarjana, Fakultas Ushuluddin dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, 2018), 115.

<sup>27</sup> Kamarul Azmi Jasmi, ‘Mu‘asyarah,’ *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2016), 83-85.

<sup>28</sup> Kamarul Azmi Jasmi, ‘Mu‘asyarah,’ 83-85.

<sup>29</sup> Yusuf Qardhawi, *Halal dan Haram dalam Islam*, terj. Zulkifli Mohamad al-Bakri (Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi, 2014), 354.

<sup>30</sup> Fadzilah Kamsah & Abdullah Hassan, *Menjalin Hubungan Bahagia* (Pahang: Pts Publications & Distributions, 2004), 42.

tempoh 5 tahun awal perkahwinan dalam lingkungan umur di antara 30 hingga 34 tahun merupakan penceraian tertinggi di Selangor, diikuti Johor dan Kedah.<sup>31</sup> Kebanyakannya kes penceraian yang berlaku melibatkan pasangan muda dan penceraian berpunca daripada isu-isu yang remeh dalam rumah tangga.<sup>32</sup> Antara isu-isu tersebut ialah isteri suka mengikuti rombongan beramai-ramai, isteri suka membasuh baju pada waktu malam, suami tidak suka isteri makan di dalam kereta, perbezaan fahaman politik, gaji suami lebih rendah, pasangan tidur berdengkur dan pasangan gemar membeli belah. Situasi-situasi tersebut memberi gambaran bahawa penceraian sebenarnya berpunca daripada konflik dalam perhubungan suami isteri.

Antara isu-isu yang wujud dalam perhubungan suami isteri ialah isu komunikasi di mana pasangan gagal mendengar, menunjukkan corak komunikasi yang berbeza dan pasangan gagal dalam menyelesaikan masalah.<sup>33</sup> Menurut Hasanah Che Ismail,<sup>34</sup> kestabilan rumah tangga pada zaman ini menuntut pasangan suami isteri cekap dalam kemahiran berkomunikasi supaya segala perbezaan pendapat dan kehendak dapat diselaraskan dan diselesaikan secara baik. Apabila mereka berkomunikasi dengan baik maka gejala negatif seperti krisis rumah tangga akan dapat ditangani dengan mudah. Namun jika sebaliknya maka akan terjadinya konflik, pergaduhan dan perselisihan faham sehingga boleh menyebabkan penceraian.

Kajian Mariam dan Syafirul<sup>35</sup> menunjukkan komunikasi merupakan faktor kedua tertinggi berlakunya kes penceraian di Negeri Selangor. Fadillah Ismail<sup>36</sup> turut merumuskan bahawa faktor komunikasi merupakan faktor kedua terbesar berlakunya penceraian selepas faktor pengurusan konflik. Kajian

<sup>31</sup> Mohd Uzir Mahidin, ‘Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2018,’ *Akhbar Jabatan Perangkaan Malaysia*, 28 Disember 2018.

<sup>32</sup> Harian Metro, ‘Isu Remeh Faktor Kes Cerai Meningkat,’ *Pressreader*, <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20181114/281878709401223>, dicapai 9 Disember 2019.

<sup>33</sup> Che Hashim Mat Said, *Komunikasi: Kepentingan dan Halangan dalam Pembentukan Keluarga Cemerlang* (Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd., 2006), 149.

<sup>34</sup> Hasanah Che Ismail, *Panduan Membentuk Istana Bahagia* (Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2006), 101-105.

<sup>35</sup> Mariam & Syafirul, ‘Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya,’ *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, vol.4/2 (2017), 295.

<sup>36</sup> Fadillah Ismail, ‘Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga,’ *Prosiding, Seminar Perkem ke-11*, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (Johor: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, 2016), 395.

juga turut membuktikan bahawa isu komunikasi (13%) berada di kedudukan ketiga teratas selepas isu akhlak (40%) dan isu tidak bertanggungjawab (23%).<sup>37</sup> Mariani Md Nor<sup>38</sup> menjelaskan bahawa kurang interaksi antara pasangan suami isteri merupakan masalah yang melanda kebanyakan suami isteri. Faktor kurangnya interaksi kerana pasangan banyak menghabiskan masa di media sosial sehingga pasangan gagal membahagikan masa bersama. Justeru, kurangnya interaksi antara pasangan telah mencetuskan banyak salah faham sehingga menyebabkan hubungan menjadi renggang.<sup>39</sup> Gradianti dan Suprapti<sup>40</sup> juga mendapati bahawa komunikasi (65%) dan kegagalan dalam menyelesaikan masalah (45%) menjadi faktor-faktor utama perceraian.

Komunikasi negatif akan menyebabkan pasangan suami isteri sentiasa berada dalam konflik rumah tangga. Pasangan terbawa-bawa dengan gaya komunikasi sebelum berkahwin yang kebanyakannya bersifat mengelak, menyalahkan dan menghukum. Sukar bagi mereka menjadi pendengar yang baik, bertanya dan meminta kepastian.<sup>41</sup> Oleh itu, komunikasi positif mampu membentuk sebuah hubungan yang baik antara pasangan suami isteri. Menurut Hardsen, komunikasi positif ialah komunikasi dengan sifat terbuka, jujur dan saling mempercayai antara satu sama lain.<sup>42</sup> Soffizan menunjukkan bahawa peranan komunikasi sangat penting dalam menjayakan proses interaksi antara pasangan yang baru berkahwin.<sup>43</sup> Perkara ini turut dibuktikan oleh Mariam dan

<sup>37</sup> Fadillah Ismail, ‘Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga,’ *Prosiding Seminar Perkem ke-11*, 395.

<sup>38</sup> Syakirah Zulkifly, ‘Banyak Habiskan Masa di Media Sosial Punca Suami Isteri Kurang ke Ranjang Pakar,’ *laman sesawang Astro Awani*, <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/banyak-habiskan-masa-di-media-sosial-punca-suami-isteri-kurang-ke-ranjang-pakar-169912.>, dicapai 27 April 2019.

<sup>39</sup> The Asianparent Malaysia, ‘Kebahagiaan Rumah Tangga Musnah,’ <https://my.theasianparent.com/kebahagiaan-rumah-tangga-musnah>, dicapai pada 11 Julai 2019.

<sup>40</sup> Gradianti & Suprati, ‘Gaya Penyelesaian Konflik Perkahwinan pada Pasangan yang Sama-Sama Bekerja,’ *Jurnal Psikologi Pendidikan dan Perkembangan*, vol. 3 (2014): 199-206.

<sup>41</sup> Siti Marziah et al., ‘Kualiti Perkahwinan Pada Fasa Pertama Perkahwinan (1-10 Tahun): Pengaruh Gaya Komunikasi dan Penyesuaian Hidup,’ *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, vol. 16/7 (2016): 1-11.

<sup>42</sup> Hardsen July Imanuel Najoan, ‘Pola Komunikasi Suami Isteri dalam Menjaga Keharmonian Keluarga,’ *Journal “Acta Diurna”*, vol. 4/4 (2015), 6.

<sup>43</sup> Soffizzan Abdul Rahman, ‘Hubungkait Antara Personaliti, Peranan Gender, Komunikasi, Tekanan Kewangan dan Kualiti Perkahwinan dalam Kalangan Individu Muslim Baru Berkahwin di Lembah Klang,’ (Disertasi Sarjana, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 2016), ii.

Syariful bahawa komunikasi merupakan faktor kedua berlakunya perceraian selepas faktor pengabaian tanggungjawab dalam kalangan suami isteri.<sup>44</sup> Justeru, komunikasi positif sangat mempengaruhi kualiti perkahwinan.

Isu akhlak dan sosial juga merupakan isu terbesar yang menyebabkan pertambahan kes perceraian. Mariam dan Syafirul<sup>45</sup> mendapati bahawa isu akhlak dan sosial suami isteri merupakan isu ketiga tertinggi dalam hubungan suami isteri yang boleh menyebabkan masalah keretakan rumah tangga. Sebanyak 4 798 aduan berkaitan masalah akhlak dan sosial pasangan dalam tempoh 5 tahun iaitu bermula di antara 2011 hingga 2015. Nurhanisah Hadigunawan dan Raihanah Azahari<sup>46</sup> turut membuktikan sikap pasangan yang negatif seperti panas baran, keras kepala dan sukar dibawa berbincang adalah antara sikap yang mendatangkan masalah dalam hubungan suami isteri. Sikap negatif ini membawa kepada kesukaran untuk mengadakan perbincangan antara suami isteri bagi menyelesaikan sesuatu masalah berbangkit.

Kajian juga mendapati pasangan yang berkonflik berhadapan dengan masalah pengabaian tanggungjawab sebagai suami dan isteri. Ini menunjukkan kurangnya kefahaman mereka mengenai ilmu kekeluargaan. Wan Murni dan Anwar<sup>47</sup> merumuskan bahawa berakhlak merupakan elemen penting dalam perhubungan suami isteri. Berakhlak yang dituntut dalam Islam ialah sebagaimana akhlak Rasulullah SAW. Pasangan yang sentiasa menjaga akhlak dan perlakuan dapat menjamin keharmonian keluarganya seperti saling bertolak-ansur, memahami, menjaga perasaan dan sentiasa mengelakkan pergaduhan. Hal ini berbeza dengan pasangan yang tidak berakhlak dan terlalu bersosial. Kebanyakan pasangan tersebut akan saling menyakiti hati pasangannya sehingga menyebabkan perbalahan dan bermasam-muka. Ini membuktikan bahawa isu akhlak suami isteri merupakan isu yang mencetuskan masalah dalam hubungan suami isteri.

<sup>44</sup> Mariam Abd Majid & Mohammad Syariful Zarif Saleh Hudin, ‘Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 Hingga 2015,’ *Jurnal Islam dan Kontemporari Islam*, vol. 2/2 (2017): 295.

<sup>45</sup> Mariam & Syafirul, ‘Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor,’ 296.

<sup>46</sup> Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari, ‘Penghayatan Islam dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undang Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor,’ *Jurnal Syariah*, vol. 24/3 (2016): 393-422.

<sup>47</sup> Wan Murni Wan Moktar & Anwar Fakhri Omar, ‘Analisis Punca Perceraian dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014,’ *Fikiran Masyarakat*, vol. 6/2 (2018), 60.

Selain isu komunikasi dan akhlak, isu hubungan intim juga antara isu penting dalam perhubungan suami isteri. Zanariah Dimon et al.<sup>48</sup> merumuskan bahawa masalah seksual merupakan masalah yang melibatkan hubungan suami isteri sehingga boleh mencetuskan penceraian. Konflik timbul apabila fitrah tersebut tidak ditunaikan sehingga berlaku ketidakpuasan antara mereka.<sup>49</sup> Menurut Mariani<sup>50</sup> hubungan seks akan mewujudkan perasaan rapat, menghasilkan keintiman serta menimbulkan rasa kasih sayang dan tanggungjawab antara suami dan isteri. Pasangan yang kurang melakukan hubungan intim akan mengurangkan rasa sayang dan tanggungjawab ke atas pasangan. Kajian telah membuktikan bahawa kurangnya hubungan seks antara suami isteri menjadi penyebab berlakunya penceraian di Malaysia.<sup>51</sup> Hal ini kerana suami merasakan dia tidak disayangi apabila isteri menolak ajakannya untuk melakukan hubungan intim. Ini disokong oleh kajian Wan Murni Binti Wan Moktar dan Anwar Fakhri<sup>52</sup> bahawa konflik keluarga berpunca daripada faktor seksual seperti pasangan bersikap dingin, tiada kepelbagaian dalam seks dan tiada kepuasan seks. Keperluan seks yang tidak dapat dipenuhi telah menyebabkan salah seorang daripada pasangan merasakan bahawa kebahagiaan tidak lagi dikecapi seterusnya menjadi alasan untuk pasangan tersebut mencari kekasih lain yang dapat memenuhi keinginannya. Kesamnya perkara ini menimbulkan perbalahan antara suami dan isteri.

Selain itu, isu penderaan suami (*husband battering*) dan penganiayaan dalam rumah tangga merupakan isu dalam perhubungan suami isteri. Masalah ini telah menganggu gugat keharmonian institusi keluarga. Malek Md Shah et al.<sup>53</sup> mendapati bahawa faktor penyumbang kepada isu ini ialah pasangan dibebani kesempitan hidup yang memeritkan, dihantui oleh sejarah silam dan aspek ketahanan suami isteri yang belum bersedia untuk memikul beban

<sup>48</sup> Zanariah Dimon et al., ‘Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor’ (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Pengajian Islam, Fakulti Tamadun Pengajian Islam, Kolej Universiti Antarabangsa Selangor, 2018), 290.

<sup>49</sup> Zanariah Dimon et al., ‘Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor,’ 290.

<sup>50</sup> Syakirah Zulkifly, ‘Banyak Habiskan Masa di Media Sosial Punca Suami Isteri Kurang ke Ranjang Pakar.’

<sup>51</sup> Syakirah Zulkifly, ‘Banyak Habiskan Masa di Media Sosial Punca Suami Isteri Kurang ke Ranjang Pakar.’

<sup>52</sup> Wan Murni Wan Moktar & Anwar Fakhri Omar, ‘Analisis Punca Perceraian dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014,’ 59.

<sup>53</sup> Mohd Ab Malek et al., ‘Polemik Isteri Pemangsa, Suami Mangsa: Satu Tinjauan Awal di Malaysia,’ *Jurnal Ilmi*, vol. 7 (2017): 63-74.

tanggungjawab sebagai ibu bapa. Sehubungan itu, Syaibah<sup>54</sup> merumuskan bahawa faktor personaliti, masalah seksual, komunikasi, campur tangan pihak ketiga, penyalahgunaan dadah, kurang didikan agama, pengabaian tanggungjawab dan faktor ditinggalkan pasangan merupakan kebanyakan penyumbang kepada peningkatan kadar perceraian dalam kalangan pasangan suami isteri di Malaysia.

Pengurusan konflik dalam rumah tangga sangat penting bagi menjamin kebahagiaan pasangan. Gaya pengurusan konflik juga merupakan antara salah satu isu dalam perhubungan suami isteri. Norazlina Mohd Kiram et al.<sup>55</sup> merumuskan bahawa gaya pengurusan konflik banyak dipengaruhi oleh cara individu berfikir yang berkait rapat dengan personaliti kerana personaliti yang pelbagai akan mencorakkan bentuk konflik yang berbeza. Teti dan Ami<sup>56</sup> mendapati bahawa terdapat hubungan yang mempengaruhi kecerdasan emosi dengan kemampuan pengurusan konflik. Semakin tinggi kecerdasan emosi suami dan isteri maka semakin tinggi dan baik kemampuan pasangan menguruskan konflik dalam rumah tangga. Fadillah Ismail<sup>57</sup> turut mengesahkan bahawa cara pengurusan konflik boleh mempengaruhi keharmonian dan keruntuhan rumah tangga.

Zanariah Dimon et al.<sup>58</sup> merumuskan bahawa konflik rumah tangga berlaku kerana wujudnya elemen-elemen *nusyuz* dan *shiqaq* dalam kalangan suami atau isteri. Permasalahan ini banyak berpunca dari faktor ekonomi, masalah sosial dan kurang penghayatan agama. Mariam Abd Majid et al.<sup>59</sup> membuktikan faktor ekonomi dan faktor kurang pengetahuan agama adalah peratusan tertinggi

<sup>54</sup> Noor Syaibah Shabuddin et al., ‘Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor,’ *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, vol. 1 (2016): 36-52.

<sup>55</sup> Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama’yah Zakaria, ‘Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga,’ *Jurnal Akademika*, vol. 87/2 (2017): 77-87.

<sup>56</sup> Teti Devita Sari & Ami Widyastuti, ‘Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dengan Kemampuan Pengurusan Konflik Pada Isteri,’ *Jurnal Psikologi*, vol. 1 (2015), 53.

<sup>57</sup> Fadillah Ismail, ‘Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga,’ 397.

<sup>58</sup> Zanariah Dimon et al., ‘Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor,’ 292.

<sup>59</sup> Mariam Abd Majid et al., ‘Faktor Konflik Rumah Tangga dan Kaedah Mengatasi: Satu Pendekatan Tinjauan Literatur Sistematik,’ (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa ke 5, Penyelidikan Pengurusan & Inovasi, Hotel Palm Garden Putrajaya, 2018).

yang menimbulkan konflik dalam rumah tangga. Fikhry Hakim<sup>60</sup> merumuskan bahawa terdapat satu perbezaan pandang sarwa (*worldview*) yang melatari setiap teori pengurusan konflik yang telah dikemukakan. Islam melihat setiap perubahan yang ingin dilaksanakan mestilah bermula daripada keimanan dan individu itu sendiri. Perbezaan konsep pengurusan konflik Islam dan Barat hanyalah pada sudut teknikal sahaja. Walau bagaimanapun, Islam sangat mementingkan sesuatu perubahan itu dimulai daripada perubahan sikap dan mentaliti diri sendiri. Masyarakat tidak mampu untuk menggunakan sistem baru sekiranya sikap dan gaya berfikir masih sama dan tidak berubah. Justeru, sebarang perubahan ke arah lebih baik mestilah bermula daripada keimanan, niat dan gaya berfikir dalam diri seterusnya menggunakan pelbagai kaedah yang telah disediakan.

Secara keseluruhannya, isu-isu dalam perhubungan suami isteri dibincangkan dalam topik-topik umum iaitu faktor-faktor penceraian, kesejahteraan rumah tangga, pembentukan keluarga bahagia, cara pengurusan konflik dalam rumah tangga, faktor keharmonian dan keruntuhan keluarga dalam rumah tangga. Penyelidikan berkaitan bab khusus yang membincangkan isu-isu hubungan suami isteri mengikut konteks semasa masih kurang dijalankan di negara ini.

## ELEMEN-ELEMEN KESEJAHTERAAN KELUARGA

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia yang dilaporkan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara menunjukkan kesejahteraan keluarga di Malaysia adalah masih pada tahap yang sederhana. Pada tahun 2011, kajian kesejahteraan keluarga yang meliputi domain hubungan kekeluargaan, ekonomi keluarga, kesihatan keluarga, keselamatan keluarga, keluarga dan komuniti, keluarga dan agama serta perumahan dan persekitaran telah mencapai skor 7.55 (LPPKN 2011). Manakala indeks kesejahteraan keluarga pada tahun 2016 yang merangkumi domain-domain yang sama dengan tambahan domain keluarga dan teknologi komunikasi mencatatkan penurunan berbanding indeks pada tahun 2011 dengan catatan skor 7.33 (LPPKN 2016).<sup>61</sup> Penurunan ini menunjukkan rekod kesejahteraan keluarga di Malaysia semakin merosot dan dibimbangi akan terus mencatatkan kemerosotan pada masa akan datang.

<sup>60</sup> Fikhry Hakim Fadzilullah, ‘Konsep Pengurusan Konflik Menurut Perspektif Barat dan Islam: Suatu Perbandingan,’ *Prosiding Pengurusan Islam* (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).

<sup>61</sup> Nabilah Huda Zaim & Norsaleha Mohd Salleh, ‘Kesejahteraan Keluarga di Malaysia: Suatu Sorotan Awal,’ *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (2019), 31.

Secara umumnya, terdapat beberapa kajian lalu yang membincangkan konteks kesejahteraan keluarga dari sudut kebahagiaan kekeluargaan melalui peranan suami isteri dan ibu bapa sebagai pemimpin keluarga. Zahidah Jaapar dan Raihanah Hj. Azahari<sup>62</sup> mendapatkan bahawa keluarga bahagia ialah sebuah keluarga yang dapat merasa senang terhadap satu sama lain dan terhadap hidup sendiri serta mempunyai objektif pembinaan keluarga yang jelas dan positif. Menurut kajian, elemen kebahagiaan adalah penzahiran penyatuan di antara iman dan amal serta cabang-cabang lain seperti akidah, ilmu, niat, akhlak, sosial, amanah dan keselamatan fizikal yang akhirnya mencetuskan perasaan *sakīnah* iaitu ketenangan dan ketenteraman, *mawaddah* iaitu cinta serta *rahmah* iaitu kasih sayang dalam keluarga.

Wan Mohd Yusuf Wan Chik et al.<sup>63</sup> mendapatkan empat aspek utama yang menjadi penyumbang ke arah kesejahteraan hidup menurut hadis *al-sa‘adah* ialah wanita solehah, rumah yang lapang, kenderaan yang elok dan jiran yang baik. Selain itu, individu-individu yang baik dalam keluarga, perumahan, persekitaran dalam rumah, persekitaran luar rumah, sistem pengangkutan, persekitaran dan interaksi dengan masyarakat sekitar merupakan beberapa aspek yang memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk kesejahteraan keluarga Muslim. Kepincangan yang berlaku dalam institusi kekeluargaan Islam bukan berpunca daripada kekurangan yang ada pada syariat Islam sebaliknya berpunca daripada kelemahan yang ada pada individu-individu Muslim.

Wan Mohd Yusuf Wan Chik et al.<sup>64</sup> mendapatkan bahawa terdapat lapan elemen utama dalam proses meraih kesejahteraan dalam keluarga berdasarkan Surah al-Tahrīm ayat 6. Antara elemen-elemen utama dalam proses meraih kesejahteraan ialah elemen pencegahan dosa dan pelaksanaan tanggungjawab, elemen keimanan, elemen kebersamaan, elemen peraturan dan hukuman, elemen kelestarian, elemen persekitaran serta elemen taubat dan kerahsiaan. Kegagalan sesebuah keluarga menerapkan elemen-elemen tersebut dalam anggota keluarga akan menyebabkan berlaku penyimpangan dan kepincangan dalam rumah tangga.

<sup>62</sup> Zahidah Jaapar & Raihanah Hj. Azahari, ‘Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,’ *Jurnal Fiqh*, vol. 8 (2011): 25-44.

<sup>63</sup> Wan Mohd Yusuf Wan Chik et al., ‘Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis Al-Sa‘adah,’ *Asian People Journal*, vol. 1/2 (2018), 106.

<sup>64</sup> Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Ahmad Jazlan Mat Jusoh & Abdul Wahab Md. Ali, ‘Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Surah Al-Tahrim Ayat 6,’ *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari*, Universiti Sultan Zainal Abidin, 15-16 September 2018).

Manakala Ahmad Faroqi<sup>65</sup> mendapati keluarga sejahtera adalah rumah tangga muslim yang bermatlamatkan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Setiap keluarga perlu menanamkan amalan q-rohani dalam diri setiap ahli keluarga bagi mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan hidup berkeluarga.<sup>66</sup> Dalam mendidik amalan q-rohani, elemen menanam rasa kasih sayang sesama keluarga dan mukmin menjadi keutamaan dalam kesejahteraan keluarga. Teras kepada pembinaan keluarga bahagia adalah dengan curahan kasih sayang kerana setiap manusia mempunyai sifat kasih dan sayang terutamanya dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan. Selain itu, elemen pendengar yang baik merupakan salah satu elemen untuk mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan hidup berkeluarga. Dalam konteks menjadi pendengar yang baik, peranan yang dimainkan keluarga jauh lebih penting berbanding orang luar. Di samping itu, elemen melatih diri sukakan ilmu, mendengar ilmu dan menghadiri majlis ilmu merupakan antara elemen kesejahteraan keluarga. Kajian merumuskan bahawa majlis ilmu dapat membentuk peribadi yang baik seterusnya membentuk keluarga yang bahagia.

### **APLIKASI KONSEP *SAKĪNAH, MAWADDAH DAN RAHMĀH* (SAMARA) DALAM HUBUNGAN SUAMI ISTERI MENGIKUT KONTEKS SEMASA**

Kebahagiaan sejati bagi sesebuah perkahwinan berlaku melalui proses-proses tertentu. Proses tersebut bermula dengan percantuman antara lelaki dan perempuan melalui ikatan perkahwinan iaitu hubungan kelamin antara suami dan isteri.<sup>67</sup> Percantuman ini melahirkan perasaan tenang. Ketenangan ini dikuatkan lagi dengan perasaan *mawaddah* apabila masing-masing telah merasai kenikmatan fizikal dan batin. Perasaan *mawaddah* sentiasa dipupuk sehingga akhirnya timbul perasaan *rahmah*. Pengurniaan zuriat merupakan antara hasil *sakīnah* dan *mawaddah*. Kewujudan zuriat telah menghasilkan perasaan *rahmah* seterusnya menambahkan lagi perasaan kasihan belas bukan sahaja antara suami dan isteri bahkan melangkau kepada anak-anak. Sifat *rahmah* ini apabila dilaksanakan dalam sesebuah keluarga akan membentuk

<sup>65</sup> Ahmad Faroqi, ‘Upaya Pencapaian Keluarga Sejahtera Melalui Penerapan Nilai-Nilai Pendidikan Agama Islam,’ *Jurnal Dedikasi*, vol. 2/2 (2010): 83-84.

<sup>66</sup> Zaharah Hussin et al., ‘Hidup Berkeluarga Melalui Didikan Amalan Q-Rohani (Afektif): Satu Pendekatan Fuzzy Delphi,’ *Al-Hikmah*, vol. 9/2 (2017): 16-31.

<sup>67</sup> Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat, ‘Konsep *Sakinah, Mawaddah* dan *Rahmah* Sebagai Asas Kebahagiaan Rumah Tangga Menurut al-Qur’ān: Suatu Analisis Berdasarkan Ayat 21, Surah al-Rum,’ 206-222; Ninawati, ‘Implementasi Konsep *Sakinah Mawaddah Warahmah* dalam Keluarga,’ 69.

sikap individu yang mempunyai belas kasihan dalam kehidupan sehari-hari dan akhirnya akan menjadi tabiat apabila berinteraksi dengan orang sekelilingnya. Hakikatnya, lelaki memerlukan kepada perempuan dan begitulah sebaliknya. Keperluan ini disebabkan masing-masing mempunyai satu sifat atau perasaan yang tidak akan sempurna kecuali saling memberi, menerima dan lengkap-melengkapi.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat tiga tema yang berkaitan sama ada secara langsung atau tidak dengan kajian tentang konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam perhubungan suami isteri. Tema yang pertama memberi fokus kepada kajian tentang konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam Islam. Bagi tema kedua pula mengenai isu-isu berkaitan perhubungan suami isteri, tema ketiga berkaitan elemen-elemen kesejahteraan dalam keluarga dan tema keempat tentang aplikasi konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam hubungan suami isteri mengikut konteks semasa. Berdasarkan bentuk dan corak penyelidikan yang dikaji, didapati bahawa terdapat ruang yang luas bagi penyelidikan mengenai institusi keluarga, meskipun kajian yang ada telah melihat daripada pelbagai aspek dan perspektif dalam pelbagai bidang pengajian. Kajian berkaitan pengaplikasian konsep *sakīnah*, *mawaddah* dan *rahmah* dalam aspek-aspek khusus dalam perhubungan suami isteri masih belum diketengahkan lagi dalam topik yang khusus. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa perhubungan suami isteri banyak dibincangkan dalam topik-topik umum seperti faktor-faktor penceraian, kesejahteraan rumah tangga, pembentukan keluarga bahagia, permasalahan seks suami dan isteri, cara pengurusan konflik dalam rumah tangga dan faktor keharmonian dan keruntuhan keluarga dalam rumah tangga.

## RUJUKAN

- Abū Ja‘far Muhammad Ibn Jarīr al-Tabārī, *Jamī‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*, vol. 10 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999).
- Ahmad Faroqi, ‘Upaya Pencapaian Keluarga Sejahtera Melalui Penerapan Nilai-Nilai Pendidikan Agama Islam,’ *Jurnal Dedikasi*, vol. 2/2 (2010): 65-86.
- Asming Yalawae, Mustafa ‘Afifi Ab. Halim & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ‘Akidah: Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga,’ *Jurnal Usuluddin*, vol. 33 (2011): 1-18.

- Badrudin, ‘Upaya Keluarga Pra Sejahtra dalam Membentuk Keluarga *Sakinah*,’ *Jurnal Hukum*, (t.t.): 93-109.
- Brant R. Burleson dan Wayne H. Denton, “The Relationship Between Communication Skill and Marital Satisfaction: Some Moderating Effects,” *Journal of Marriage and The Family* (November 1997), 884-902
- Che Hashim Mat Said, *Komunikasi: Kepentingan dan Halangan dalam Pembentukan Keluarga Cemerlang* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2006).
- David Knox dan Caroline Schacht. Choice in Relationship: An Introduction to the Marriage and The Family (Beston: Wadsworth Publishing Company, 1977).
- Dwi Runjani Juwita, ‘Konsep *Sakinah, Mawaddah Warrahmah* Menurut Islam,’ *An-Nuha*, vol. 4/2 (2017): 204-221.
- Eka Prasetyawati, ‘Penafsiran Ayat-Ayat Keluarga *Sakinah, Mawaddah, wa Rahmah* dalam Tafsir Al-Misbah dan Ibn Katsir,’ *Jurnal Nizham*, vol. 5/2 (2017): 138-166.
- Fadillah Ismail, ‘Faktor Keharmonian dan Keruntuhan Rumah Tangga,’ *Prosiding, Seminar Perkem ke-11*, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (Johor: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, 2016).
- Fadzilah Kamsah & Abdullah Hassan, *Menjalin Hubungan Bahagia* (Pahang: Pts Publications & Distributions, 2004).
- Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Tafsīr al-Kabīr*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Fikr, t.t.).
- Faula Arina, ‘Konsep Keluarga *Sakinah* Menurut Kitab Qurrah Al-‘Uyun Karangan Syaikh Muhammad At-Tihami Bin Madani,’ (Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Purwokerto, 2018).
- Fikhry Hakim Fadzilullah, ‘Konsep Pengurusan Konflik Menurut Perspektif Barat dan Islam: Suatu Perbandingan,’ *Prosiding Pengurusan Islam* (Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).
- Gradianti & Suprati, ‘Gaya Penyelesaian Konflik Perkahwinan pada Pasangan yang Sama-Sama Bekerja,’ *Jurnal Psikologi Pendidikan dan Perkembangan*, vol. 3 (2014): 199-206.
- Hardsen July Imanuel Najoan, ‘Pola Komunikasi Suami Isteri dalam Menjaga Keharmonian Keluarga,’ *Journal “Acta Diurna”*, vol. 4/4 (2015).
- Harian Metro, ‘Isu Remeh Faktor Kes Cerai Meningkat,’ *Pressreader*, <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20181114/281878709401223>, dicapai 9 Disember 2019.

- Hasanah Che Ismail, *Panduan Membentuk Istana Bahagia* (Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd., 2006).
- Henderi Kusmidi, ‘Konsep *Sakinah, Mawaddah* dan *Rahmah* dalam Perkahwinan,’ *El-Afkar*, vol. 7/2 (2018), 63-78.
- Irma Yani, ‘Harmonisasi Keluarga Pasangan Suami Istri Yang Tidak Memiliki Keturunan di Desa Bangun Jaya Kecamatan Tambusai Utara Kabupaten Rokan Hulu,’ *Jom Fisip*, vol. 5 (2018): 1-14.
- Kamarul Azmi Jasmi, ‘Mu‘asyarah,’ *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2016).
- Mahmood Zuhdi Ab Majid, *Kursus Perkahwinan dan Undang-Undang Keluarga Islam* (Kuala Lumpur: Dasar Padu (M) Sdn. Bhd., 1993).
- Mariam & Syafirul, ‘Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya,’ *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, vol.4/2 (2017): 286-303.
- Mariam Abd Majid & Mohammad Syariful Zarif Saleh Hudin, ‘Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 Hingga 2015,’ *Jurnal Islam dan Kontemporari Islam*, vol. 2/2 (2017): 40-53.
- Mariam Abd Majid et al., ‘Faktor Konflik Rumahtangga dan Kaedah Mengatasi: Satu Pendekatan Tinjauan Literatur Sistematisik,’ (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa ke 5, Penyelidikan Pengurusan & Inovasi, Hotel Palm Garden, Putrajaya, 2018).
- Mohd Ab Malek et al., ‘Polemik Isteri Pemangsa, Suami Mangsa: Satu Tinjauan Awal di Malaysia,’ *Jurnal Ilmi*, vol. 7 (2017): 63-74.
- Mohd Uzir Mahidin, ‘Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2018,’ *Akhbar Jabatan Perangkaan Malaysia*, 28 Disember 2018.
- Muhammad Fathonaddin, ‘Perkahwinan *Sakinah, Mawaddah, Wa Rahmah*: Studi Pemikiran Sachiko Murata,’ (Disertasi Sarjana, UIN Alauddin Makassar, 2019).
- Nabilah Huda Zaim & Norsaleha Mohd Salleh, ‘Kesejahteraan Keluarga di Malaysia: Suatu Sorotan Awal,’ *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (2019), 27-36.
- Nasoha Saabin, *Mengendalikan Hubungan Suami Isteri* (Pahang: PTS Publications and Distribution Sdn. Bhd., 2002).
- Nik Azis Nik Pa, *Keluarga Berdaya Maju* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2002).

- Ninawati, ‘Implementasi Konsep *Sakinah Mawaddah Warahmah* dalam Keluarga,’ (Disertasi Sarjana, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam-Banda Aceh, 2018).
- Noor Syaibah Shabuddin et al., ‘Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor,’ *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, vol. 1 (2016): 36-52.
- Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin & Jama’yah Zakaria, ‘Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel Saga,’ *Jurnal Akademika*, vol. 87/2 (2017): 77-87.
- Nur Ahmad, ‘Konseling Pernikahan Berbasis Asmara, STAIN Kudus, Jawa Tengah Indonesia,’ *Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, vol 7/2 (2016): 195-212.
- Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari, ‘Penghayatan Islam dan Hubungannya dengan Konflik Rumahtangga: Kajian di Unit Runding Cara, Bahagian Undang Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor,’ *Jurnal Syariah*, vol. 24/3 (2016): 393-422.
- Nurulwahidah Fauzi et al., ‘Konsep dan Perspektif Cinta Hakiki: Empat Pendekatan Cinta dalam Mursyid Al-Syabab oleh Bediuzzaman Said Nursi dan Al-Ghazali di dalam Ihya Ulumuddin,’ (Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Memperkasakan Tamadun Islam pada abad ke-21, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, September, 2015).
- Patricia Noller & Mary Anne Fitzpatrick, ‘Marital Communication in the Eighties,’ *Journal of Marriage and The Family* (1990): 832-843.
- Sayyid Quṭb, *Fī Ḥilāl al-Qur’ān*, vol. 5 (Qāhirah: Dār al-Shurūq, t.t.).
- Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-‘Alūsī, *Rūh al-Ma‘ānī fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aṣīm wa al-Sab‘ al-Mathānī* (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1985).
- Siti Chadijah, ‘Karakteristik Keluarga *Sakinah* dalam Islam,’ *Jurnal Rausyan Fikr*, vol. 14/1 (2018): 113-128.
- Siti Marziah et al., ‘Kualiti Perkahwinan Pada Fasa Pertama Perkahwinan (1-10 Tahun): Pengaruh Gaya Komunikasi dan Penyesuaian Hidup,’ *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, vol. 16/7 (2017): 1-11.
- Siti Zubaidah Ismail & Muhamad Zahiri Awang Mat, ‘Konsep *Sakinah, Mawaddah* dan *Rahmah* Sebagai Asas Kebahagiaan Rumahtangga Menurut al-Qur’ān: Suatu Analisis Berdasarkan Ayat 21, Surah al-Rum,’ *Jurnal al-Quran dan Pengajaran Hadith* (2016): 206-222.

- Soffizzan Abdul Rahman, ‘Hubungkait Antara Personaliti, Peranan Gender, Komunikasi, Tekanan Kewangan dan Kualiti Perkahwinan dalam Kalangan Individu Muslim Baru Berkahwin di Lembah Klang,’ (Disertasi Sarjana, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 2016).
- Sophal Jamilah, ‘Konsep Keluarga *Sakīnah*: Studi Pemikiran Muhammad Quraish Shihab,’ (Disertasi Sarjana, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2016).
- Steven L. Nock., ‘Commitment and Dependency in Marriage,’ *Journal of Marriage and the Family* (1995): 503-514.
- Sulaiman Endut, ‘Pencerahan: Punca dan Penyelesaian,’ *Prosiding Kertas Kerja Gejala Sosial* (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 1995), 205-212.
- Syakirah Zulkifly, ‘Banyak Habiskan Masa di Media Sosial Punca Suami Isteri Kurang ke Ranjang Pakar,’ *laman sesawang Astro Awani*, <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/banyak-habiskan-masa-di-media-sosial-punca-suami-isteri-kurang-ke-ranjang-pakar-169912>., dicapai 27 April 2019.
- Syamsiah Nur, ‘Peranan Keluarga *Sakīnah, Mawaddah wa Rahmah* Sebagai Sumber Pendidikan Yang Pertama, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Indonesia,’ *Jurnal Zirah*, vol. 1/1 (2019): 76-88.
- Teti Devita Sari & Ami Widayastuti, ‘Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dengan Kemampuan Pengurusan Konflik Pada Isteri,’ *Jurnal Psikologi*, vol. 1 (2015): 49-54.
- The Asianparent Malaysia, ‘Kebahagiaan Rumah Tangga Musnah,’ <https://my.theasianparent.com/kebahagiaan-rumah-tangga-musnah>, dicapai pada 11 Julai 2019.
- Thoriq Fadli Zaelani, ‘Konsep Keluarga *Sakinah* Menurut Hamka,’ (Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Negeri Surakarta, Indonesia, 2017).
- Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhāj*, vol. 11 (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009).
- Wan Mohd Yusuf Wan Chik et al., ‘Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis Al-Sa‘adah,’ *Asian People Journal*, vol. 1/2 (2018): 92-108.
- Wan Mohd Yusuf Wan Chik, Ahmad Jazlan Mat Jusoh & Abdul Wahab Md. Ali, ‘Kesejahteraan Keluarga Berdasarkan Surah Al-Tahrim Ayat 6,’ *Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporeri*, Universiti Sultan Zainal Abidin, 15-16 September 2018).

- Wan Murni Wan Moktar & Anwar Fakhri Omar, ‘Analisis Punca Perceraian dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kota Bharu 2010-2014,’ *Fikiran Masyarakat*, vol. 6/2 (2018): 57-62.
- Yulianti Ratnasari, ‘Konsep Keluarga Sakinah Menurut Al-Ghazali,’ (Disertasi Sarjana, Fakultas Ushuluddin dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang, 2018).
- Yusuf Qardhawi, *Halal dan Haram dalam Islam*, terj. Zulkifli Mohamad al-Bakri (Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi, 2014).
- Zaharah Hussin et al., ‘Hidup Berkeluarga Melalui Didikan Amalan Q-Rohani (Afektif): Satu Pendekatan Fuzzy Delphi,’ *Al-Hikmah*, vol. 9/2 (2017): 16-31.
- Zahidah Jaapar & Raihanah Hj. Azahari, ‘Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,’ *Jurnal Fiqh*, vol. 8 (2011): 25-44.
- Zanariah Dimon et al., ‘Faktor-Faktor Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Runding Cara Jabatan Agama Islam Selangor’ (Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Pengajian Islam, Fakulti Tamadun Pengajian Islam, Kolej Universiti Antarabangsa Selangor, 2018).

